



SIARAN MEDIA

KPKT SASARKAN DUA REKOD BAHARU SEMPENA HARI CUCI MALAYSIA 2025

KUALA LUMPUR, 23 September 2025 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming hari ini menyempurnakan **Majlis Pra-Pelancaran Hari Cuci Malaysia (HCM) 2025** bertempat di Pasar Seni Kuala Lumpur pagi ini.

Hari Cuci Malaysia merupakan inisiatif bersempena dengan *World Clean Up Day* anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 20 September setiap tahun, selaras dengan usaha global menangani pencemaran sisa dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan kebersihan.

Pada tahun 2024, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) buat julung kalinya menganjurkan Hari Cuci Malaysia di 650 lokasi termasuk di Pasar Seni, Kuala Lumpur. Program ini berjaya mencatatkan tiga rekod dalam Malaysia Book of Records, iaitu:

- i. *Largest Simultaneous Participation in A 'Gotong Royong* (Penyertaan paling ramai dan serentak seluruh negara): **58,007 peserta**;
- ii. *Heaviest Solid Waste Collected in A Day* (Kutipan sisa pepejal terberat): **4,645.50 metrik tan**; dan
- iii. *Longest Non-Stop 'Gotong Royong' Cleanup Programme* (Tempoh masa gotong-royong paling lama: **12 jam (8 pagi hingga 8 malam)**)

Susulan kejayaan penganjuran tersebut, **Jemaah Menteri telah bersetuju menetapkan hari Sabtu terakhir bulan September setiap tahun sebagai Hari Cuci Malaysia** yang diterajui oleh KPKT.

Hari Cuci Malaysia 2025 peringkat Kebangsaan akan berlangsung di Pantai Cahaya Negeri, Port Dickson pada 27 September 2025. Sambutan Hari Cuci ini turut dilaksanakan secara serentak di pelbagai lokasi lain di seluruh negara.

Penganjuran tahun ini berkonsepkan "*whole of nation*", membabitkan penglibatan menyeluruh daripada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, pihak berkuasa negeri dan tempatan, institusi pendidikan, syarikat pembersihan, perumahan, swasta, NGO serta masyarakat umum.

HCM 2025 dilaksanakan dengan kerjasama strategik dari Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Kerajaan Negeri Sembilan dan Majlis Perbandaran Port Dickson. Program ini juga turut mendapat tajaan dan sokongan dari pelbagai syarikat dan NGO termasuk SWM, MPMA, Tetra

Pak, AEON, Coca-Cola, Nestle, Bank Muamalat, Entomal, 99 Speedmart, Cypark, Fathopesenergy, Persatuan Tzu Chi, AOHD dan I Earth You.

KPKT menasarkankan penciptaan dua rekod baharu Malaysia Book of Records pada tahun ini iaitu:

- i. **Penyertaan Gotong Royong Teramai: 100,000 peserta** serentak di seluruh negara
- ii. **Pengumpulan Minyak Masak Terpakai Terbanyak di Seluruh Malaysia dalam 1 hari:** sekurang-kurangnya 3,000 kilogram

Orang awam yang ingin menyertai boleh mendaftar melalui kod QR yang akan diedarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan masing-masing. Manakala, bagi mereka yang tidak mempunyai telefon pintar, pendaftaran secara manual menggunakan borang juga disediakan.

Orang ramai juga digalakkan menyumbangkan minyak masak terpakai di lokasi terpilih bagi menyokong usaha pengumpulan minyak tersebut yang akan dijana semula menjadi tenaga boleh diperbaharui seperti biodiesel. Setiap 1 kg minyak masak terpakai boleh dijual pada harga antara RM2 hingga RM3.50 bergantung kepada kualiti dan lokasi.

Pelbagai pengisian aktiviti akan diadakan termasuk aktiviti pembersihan kawasan awam, senamrobik, kitar semula, pameran, kempen kesedaran, cabutan bertuah serta pelbagai aktiviti komuniti.

Hari Cuci Malaysia bukan sahaja menjadi platform memperkukuh semangat kesukarelawanan dan kebersamaan, malah memperlihatkan komitmen Malaysia terhadap kebersihan, kelestarian alam sekitar dan aspirasi global dalam menangani pencemaran sisa.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).
Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

